

# Penoreh dituduh bunuh anak tiri

**Pekani:** Seorang penoreh getah dihadapkan ke Mahkamah Majistret, di sini, semalam, atas tuduhan membunuh anak tirinya bulan lalu.

Tiada pengakuan diambil daripada Muhammad Alias Othman, 55, selepas tuduhan dibaca terhadapnya di hadapan Majistret Azizah Ahmad.

Tertuduh didakwa membunuh Muhammad Hafiz Firdaus, 5, dengan menggunakan kayu pokok

getah dan memijak badan mangsa sehingga menyebabkannya tidak sedarkan diri.

## Lakukan kesalahan di kebun getah

Dia melakukan kesalahan itu di kebun getah Kampung Air Hitam, Paloh Hinai, di sini, antara jam 10.30 pagi hingga 1 tengah hari pada 20 Februari lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksama yang

memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Syamsul Kahar Ahmad Nadri, manakala tertuduh diwakili peguam Ahmad Deniel Roslan

## 5 April sebutan kes

Azizah kemudiannya menetapkan 5 April depan untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen dan laporan forensik.

BHARIAN  
6/3/2019  
MS 18



Keratan akhbar BH  
22 Februari lalu.